

NGO berbincang dengan DBKL, Kementerian

CYBERJAYA - Sebanyak 150 orang daripada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menyertai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Kementerian Wilayah Persekutuan dalam Perbincangan Meja Bulat Pembangunan Wilayah Persekutuan (Kawasan DBKL).

Perbincangan yang julu-julung kali diadakan itu bertujuan memberikan peluang kepada NGO sekitar ibu kota membangkitkan permasalahan yang melanda dan jala penyelesaian terbaik.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Maslin Tajudin berucap hasil rumusan perbincangan itu akan diadakan di pejabat Kementerian Perancangan Pelan Tindakan.

"Kementerian juga mengkaji

untuk memajukan agenda perbincangan ini untuk Labuan dan Putrajaya. Kita akan menggalbal aka berdasarkan hasil rumusan itu jika perlu," katanya pada sidang akhbar di Cyberview Lodge & Spa di sini semalam.

Antara yang dibincangkan mengenai pelan pengezonan, perancangan dan pembangunan, rangkaian jalan, kemudahan awam dan infrastruktur, alam sekitar, perparitan dan saliran dan pembangunan.

Antara NGO yang hadir ialah Persatuan Penjaja dan Pensiaga Kecil Melayu Wilayah Persekutuan, Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP), Pertubuhan Kejuruteraan Jalan Malaysia dan Persatuan Mobiliti Selangor dan Kuala Lumpur.